BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

# Sorotan Bulanan
## Julai 2020

## Inflasi keseluruhan menguncup pada kadar yang lebih kecil iaitu -1.3% pada bulan Julai

**Sumbangan kepada Inflasi**




- Inflasi keseluruhan menguncup pada kadar yang lebih kecil disebabkan terutamanya oleh harga bahan api runcit domestik yang lebih tinggi pada bulan itu.
- Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, menurun sedikit kepada 1.1% (Jun: 1.2%).
- Walau bagaimanapun, risiko deflasi kekal terkawal. Bahagian barangan Indeks Harga Pengguna (IHP) yang lebih besar mencatatkan kenaikan harga pada asas bulanan (Julai: 46%; Jun: 44%; Purata 2010-18: 46%).

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.

*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia*

## Jumlah jualan kereta penumpang meningkat sebanyak 12.8% pada bulan Julai 2020

**Jumlah Jualan Kereta Penumpang**




- Jumlah jualan kereta penumpang mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 12.8% pada bulan Julai 2020 (Jun: 6.3%). Peningkatan ini menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun yang positif untuk dua bulan berturut-turut sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula dilaksanakan pada bulan Mac.
- Jualan kereta yang lebih tinggi pada bulan Julai adalah disebabkan oleh pelepasan cukai jualan yang merupakan sebahagian daripada langkah rangsangan Kerajaan sejak bulan Jun, selain kempen promosi yang diadakan oleh penjual kereta.

*Sumber: Malaysian Automotive Association (MAA)*

## Momentum aktiviti pembiayaan terus meningkat

**Pinjaman[1] dan Bon Korporat Terkumpul**




- Pada bulan Julai, pertumbuhan pembiayaan bersih meningkat kepada 4.0% (Jun: 3.7%), disokong oleh bon korporat terkumpul (Julai: 2.9%, Jun: 2.5%) dan pinjaman terkumpul (Julai: 4.5%, Jun: 4.1%).
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah meningkat kepada 4.3% (Jun: 3.5%), dengan peningkatan selanjutnya dalam pengeluaran pinjaman perumahan dan kereta. Hal ini mencerminkan impak positif pelaksanaan langkah-langkah dasar.
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menurun kepada 3.9% (Jun: 4.2%) berikutan pembayaran balik terus meningkat.

[1] Merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)].

*Sumber: Bank Negara Malaysia*

# Sorotan Bulanan
## Julai 2020

## Peningkatan yang menyeluruh dalam pasaran kewangan domestik

**Prestasi Pasaran Kewangan pada Bulan Julai**




*Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia*

- Pasaran kewangan domestik mengalami peningkatan yang menyeluruh pada bulan Julai, bersama-sama dengan kebanyakan pasaran kewangan serantau. Peningkatan ini kerana sentimen pengambilan risiko (*risk-on*) oleh pelabur berikutan berita mengenai perkembangan penghasilan vaksin untuk COVID-19 dan pendirian *Federal Reserve* yang lebih pasif (*dovish*) susulan mesyuarat *Federal Open Market Committee* (FOMC) pada bulan Julai, apabila mereka berikrar untuk memberikan sokongan dasar selama tempoh yang diperlukan untuk memastikan pemulihan ekonomi yang kukuh di Amerika Syarikat.
- Hal ini menyebabkan pasaran kewangan domestik mencatatkan aliran masuk portfolio berjumlah USD1.1 bilion, terutamanya ke dalam pasaran bon. Kesannya, ringgit menambah nilai sebanyak 0.9% berbanding dengan dolar AS manakala kadar hasil MGS 10 tahun menurun sebanyak 31.3 mata asas. Penurunan kadar hasil MGS 10 tahun juga didorong oleh pengurangan OPR pada awal bulan Julai.
- Pengumuman data ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan dari AS dan RR China juga menyebabkan sentimen pelabur bertambah baik serta menyokong peningkatan indeks saham serantau, termasuk FBM KLCI. FBM KLCI meningkat sebanyak 6.8% pada bulan itu, didorong oleh sokongan yang berterusan daripada pelabur domestik.

## Permodalan sistem perbankan kekal kukuh

**Nisbah Kecukupan Modal**




*Sumber: Bank Negara Malaysia*

- Nisbah modal meningkat sedikit pada bulan Julai kerana mengambil kira keuntungan interim pada separuh pertama tahun 2020. Hal ini telah meningkatkan keupayaan bank-bank untuk memberikan pinjaman dan pada masa yang sama mengekalkan kemampanan jangka panjang mereka.
- Sistem perbankan terus berada pada kedudukan yang kukuh untuk menghadapi kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk, dengan lebihan penampan modal[1] sebanyak RM118.1 bilion pada bulan Julai 2020.

[1]Merujuk jumlah modal melebihi tahap pengawalseliaan minimum, yang meliputi keperluan penampan pengekalan modal dan keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

**No. Ruj.: 08/20/09**

**EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Jumaat, 28 Ogos 2020**

# SOROTAN BULANAN – JULAI 2020

**Inflasi keseluruhan menguncup pada kadar yang lebih kecil iaitu -1.3% pada bulan Julai**

- Inflasi keseluruhan menguncup pada kadar yang lebih kecil disebabkan terutamanya oleh harga bahan api runcit domestik yang lebih tinggi pada bulan itu.
- Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, menurun sedikit kepada 1.1% (Jun: 1.2%).
- Walau bagaimanapun, risiko deflasi kekal terkawal. Bahagian barangan Indeks Harga Pengguna (IHP) yang lebih besar mencatatkan kenaikan harga pada asas bulanan (Julai: 46%; Jun: 44%; Purata 2010-18: 46%).

**Jumlah jualan kereta penumpang meningkat sebanyak 12.8% pada bulan Julai 2020**

- Jumlah jualan kereta penumpang mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 12.8% pada bulan Julai 2020 (Jun: 6.3%). Peningkatan ini menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun yang positif untuk dua bulan berturut-turut sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula dilaksanakan pada bulan Mac.
- Jualan kereta yang lebih tinggi pada bulan Julai adalah disebabkan oleh pelepasan cukai jualan yang merupakan sebahagian daripada langkah rangsangan Kerajaan sejak bulan Jun, selain kempen promosi yang diadakan oleh penjual kereta.

**Momentum aktiviti pembiayaan terus meningkat**

- Pada bulan Julai, pertumbuhan pembiayaan bersih meningkat kepada 4.0% (Jun: 3.7%), disokong oleh bon korporat terkumpul (Julai: 2.9%, Jun: 2.5%) dan pinjaman terkumpul (Julai: 4.5%, Jun: 4.1%).
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah meningkat kepada 4.3% (Jun: 3.5%), dengan peningkatan selanjutnya dalam pengeluaran pinjaman perumahan dan kereta. Hal ini mencerminkan impak positif pelaksanaan langkah-langkah dasar.
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menurun kepada 3.9% (Jun: 4.2%) berikutan pembayaran balik terus meningkat.

**Peningkatan yang menyeluruh dalam pasaran kewangan domestic**

- Pasaran kewangan domestik mengalami peningkatan yang menyeluruh pada bulan Julai, bersama-sama dengan kebanyakan pasaran kewangan serantau. Peningkatan ini kerana sentimen pengambilan risiko (*risk-on*) oleh pelabur berikutan berita mengenai perkembangan penghasilan vaksin untuk COVID-19 dan pendirian *Federal Reserve* yang lebih pasif (*dovish*) susulan mesyuarat *Federal Open Market Committee* (FOMC) pada bulan Julai, apabila mereka berikrar untuk memberikan sokongan dasar selama tempoh yang diperlukan untuk memastikan pemulihan ekonomi yang kukuh di Amerika Syarikat.
- Hal ini menyebabkan pasaran kewangan domestik mencatatkan aliran masuk portfolio berjumlah USD1.1 bilion, terutamanya ke dalam pasaran bon. Kesannya, ringgit menambah nilai sebanyak 0.9% berbanding dengan dolar AS manakala kadar hasil MGS 10 tahun menurun sebanyak 31.3 mata asas. Penurunan kadar hasil MGS 10 tahun juga didorong oleh pengurangan OPR pada awal bulan Julai.
- Pengumuman data ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan dari AS dan RR China juga menyebabkan sentimen pelabur bertambah baik serta menyokong peningkatan indeks saham serantau, termasuk FBM KLCI. FBM KLCI meningkat sebanyak 6.8% pada bulan itu, didorong oleh sokongan yang berterusan daripada pelabur domestik.

**Permodalan sistem perbankan kekal kukuh**

- Nisbah modal meningkat sedikit pada bulan Julai kerana mengambil kira keuntungan interim pada separuh pertama tahun 2020. Hal ini telah

meningkatkan keupayaan bank-bank untuk memberikan pinjaman dan pada masa yang sama mengekalkan kemampanan jangka panjang mereka.

- Sistem perbankan terus berada pada kedudukan yang kukuh untuk menghadapi kejutan makroekonomi dan kewangan yang teruk, dengan lebihan penampan modal[1] sebanyak RM118.1 bilion pada bulan Julai 2020.

**Bank Negara Malaysia**
**28 Ogos 2020**

[1] Merujuk jumlah modal melebihi tahap pengawalseliaan minimum, yang meliputi keperluan penampan pengekalan modal dan keperluan minimum bank tertentu yang lebih tinggi

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my